

**PERKEMBANGAN SENI ANYAMAN TIKAR
DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN DI
SARAWAK DARI TAHUN 1980 HINGGA 2018**



LILIAN TAN MAY FERN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PERKEMBANGAN SENI ANYAMAN TIKAR
DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN DI
SARAWAK DARI TAHUN 1980 HINGGA 2018**

LILIAN TAN MAY FERN




**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



Lilian Tan May Fern

BA19110660



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : LILIAN TAN MAY FERN

NO. Matriks : BA19110660

**TAJUK : PERKEMBANGAN SENI ANYAMAN TIKAR
DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN DI
SARAWAK DARI TAHUN 1980 HINGGA 2018**

IJAZAH : SARJANA MUDA



BIDANG

: SEJARAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DIPERAKUI OLEH

1. PENYELIA

Dr. Zainuddin Baco

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, saya dapat menyediakan dan menyempurnakan penyelidikan tahun akhir yang bertajuk "Perkembangan Seni Anyaman Tikar Dalam Kalangan Masyarakat Iban di Sarawak Dari Tahun 1980 Hingga 2018" sebagai memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sejarah.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Zainuddin Baco selaku penyelia latihan ilmiah saya yang telah banyak membantu, membimbing dan juga sebagai pemudah cara sepanjang proses menyiapkan latihan ilmiah ini. Kesabaran dan nasihat beliau telah menguatkan saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada para pensyarah Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah khususnya pensyarah dari Program Sejarah di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tiga tahun ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada keluarga tercinta yang banyak memberi dorongan, sokongan, nasihat dan sentiasa menitipkan doa untuk keberkatan saya. Mereka telah banyak menyokong saya dari segenap rohani dan juga kewangan untuk menghasilkan latihan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih diucapkan di atas kerjasama yang diberikan oleh penduduk di perkampungan baru, Sungai Arip, Balingian, Sarawak iaitu, Puan Enjup anak Nai, Puan Menun anak Danau, Puan Nancy anak Puyang dan Puan Nimah anak Galagai. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama menempuhi suka dan duka sepanjang tiga tahun ini. Semoga impian anda menjadi kenyataan dan saya doakan agar kalian semua berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi kelak.


Akhir sekali, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

LILIAN TAN MAY FERN

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Perkembangan Seni Anyaman Tikar Dalam Kalangan Masyarakat Iban di Sarawak Dari Tahun 1980 Hingga 2018. Aktiviti menganyam merupakan satu seni yang dilakukan oleh orang yang berkemahiran dan boleh dikatakan mereka adalah golongan yang rajin sehingga membuah hasil budaya bangsa. Hasil daripada keunikan dan kehalusan seni anyaman terutamanya anyaman tikar dalam kalangan masyarakat Iban pada hari ini dapat dilihat perkembangannya terutamanya dari segi penggunaan alatan, bahan, corak atau motif serta proses pembuatan tikar tersebut. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu yang pertama ialah mengenalpasti asal usul seni anyaman tikar tradisional dalam kalangan masyarakat Iban di Kampung Baru Sungai Arip, Balingian, Sarawak. Kedua, mengkaji jenis tikar, bahan dan alatan yang digunakan, cara atau kaedah pembuatan, motif atau corak anyaman tikar, pantang, fungsi tikar yang digunakan oleh masyarakat Iban serta mengkaji perkembangan yang berlaku dalam penghasilan anyaman tikar masyarakat Iban. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk menilai isu dan cabaran, memberi cadangan serta sumbangan pembuatan seni anyaman tikar bagi masyarakat Iban di Sarawak. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif yang disokong oleh sumber primer, sumber sekunder dan kajian lapangan. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi pendedahan secara tidak langsung kepada generasi-generasi muda mengenai seni anyaman tikar Iban di Sarawak.

Kata Kunci: *Seni Anyaman, Tikar, Iban*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study is on the Development of the Art of Mat Weaving Among the Iban Community in Sarawak from 1980 to 2018. Weaving is an art done by skilled people and arguably they are hardworking to produce the culture of the nation. The result of the uniqueness and subtlety of the woven art especially the weave mat among the Iban community today can be seen in its development especially in terms of the use of tools, materials, patterns or motifs as well as the process of making the mat. This study has three objective, the first of which is the origin of the traditional mat weaving art among the Iban community in Kampung Baru Sungai Arip, Balingian, Sarawak. Second, to analyze the types of mats, materials and tools used, the way or method of manufacture, the motives or patterns of mats, abstinence, the function of mats used by the Iban community as well as studying the developments that occur in the production of the woven mats of the Iban community. Finally, this study aims to evaluate issues and challenges, provide suggestions and contribution to the making of the art of weaving mats for the Iban community in Sarawak. In this study, researchers have adopted a qualitatively descriptive approach supported by primary sources, secondary sources and field studies. Overall, this study provides indirect exposure to the younger generations on the art of woven Iban mats in Sarawak.

Keywords: *Weave Art, Tikar, Iban*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.1.1 Latar belakang Kampung Baru Sungai Arip, Balingian, Sarawak.	2
1.1.2 Masyarakat Iban	3
1.1.3 Warisan dan Budaya Masyarakat Iban.....	5
1.1.4 Kraftangan Masyarakat Iban	6
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Sorotan Literatur Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Skop Kajian.....	16
1.6 Metodologi Kajian.....	16
1.7 Kepentingan Kajian.....	18
1.8 Pembahagian Bab.....	19

1.9	Kesimpulan	20
BAB 2 PENGENALAN KEPADA SENI ANYAMAN		21
2.1	Pengenalan.....	21
2.2	Pengenalan Anyaman	21
2.3	Sejarah Seni Anyaman	24
2.4	Sejarah Seni Anyaman Tikar Masyarakat Iban.....	26
2.5	Seni Anyaman Tikar Masyarakat Pelbagai Etnik di Sarawak	29
2.6	Jenis Anyaman.....	34
2.6.1	Anyaman Rotan	35
2.6.1	Anyaman Ribu-ribu.....	36
2.6.2	Anyaman Buluh.....	37
2.6.3	Anyaman Lidi.....	38
2.6.4	Anyaman Pandan dan Mengkuang	39
2.6.5	Anyaman Bemban	40
2.7	Kesimpulan	40
BAB 3 PENGHASILAN TIKAR ANYAMAN		42
3.1	Pengenalan.....	42
3.2	Jenis Tikar Iban.....	42
3.2.1	Tikai Bemban.....	43
3.2.2	Tikai Keretas (Kerupuk)	45
3.2.3	Tikai Lampit.....	46
3.2.4	Tikai Senggang	47
3.2.5	Tikai Akas.....	48
3.2.6	Tikai Wi (Rotan).....	49
3.3	Bahan	49
3.3.1	Pokok Bemban.....	50
3.3.2	Tali Plastik.....	51

3.3.3	Tumbuhan Kerupuk.....	52
3.3.4	Pokok Rotan	53
3.3.5	Pokok Senggang	54
3.3.6	Akas	54
3.4	Alatan	55
3.5	Proses Anyaman Tikar	57
3.6	Corak dan Motif Anyaman	58
3.7	Pantang Larang.....	60
3.8	Fungsi Tikar Anyaman	61
3.8.1	Adat Beranchau	61
3.8.2	Adat Kelahiran dan Kematian	62
3.8.3	Petanda Gawai.....	63
3.8.4	Gawai Sandau Ari.....	64
3.9	Perkembangan dalam Penghasilan Tikar anyaman.....	64
3.10	Kesimpulan.....	65
BAB 4 ISU DAN CABARAN, CADANGAN & SUMBANGAN		66
4.1	Pengenalan.....	66
4.2	Isu dan Cabaran.....	66
4.2.1	Bekalan Sumber Mentah	67
4.2.2	Ancaman Penggunaan Tali Plastik.....	68
4.2.3	Generasi Muda Kurang Berminat.....	69
4.2.4	Pengekalan.....	70
4.3	Cadangan	71
4.3.1	Membuat Promosi	71
4.3.2	Program Latihan dan Kemahiran.....	72
4.3.3	Peranan Pihak Kerajaan	73
4.3.4	Masyarakat Setempat	74

4.4	Sumbangan Penghasilan Tikar Anyaman.....	75
4.4.1	Penjanaan Ekonomi kepada Masyarakat Iban	75
4.4.2	Identiti Budaya Masyarakat Iban	76
4.5	Kesimpulan	77
BAB 5 RUMUSAN		78
5.1	Pengenalan.....	78
5.2	Sejarah Asal Usul Seni Anyaman Tikar Masyarakat Iban.....	78
5.3	Penghasilan Tikar Anyaman.....	80
5.4	Isu, Cabaran, Cadangan dan Sumbangan Tikar Anyaman	82
5.5	Kesimpulan	84
SENARAI RUJUKAN		85
LAMPIRAN A		91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1: Peta Kampung Baru Sungai Arip, Balingian	2



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Alat dan Fungsi Alat

Halaman

60



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.1: Tikar Ugam	33
Foto 2.2: Tikar Orang Ulu	35
Foto 2.3: Tikar Kelasah Bidayuh Serikin	36
Foto 2.4: Anyaman Rotan	39
Foto 2.5: Anyaman Ribu-ribu	40
Foto 2.6: Anyaman Buluh	41
Foto 2.7: Anyaman Lidi	42
Foto 2.8: Anyaman Pandan dan Mengkuang	43
Foto 2.9: Anyaman Bemban	44
Foto 3.1: Tikai Bemban Tradisional	47
Foto 3.2: Tikai Bemban Anyam Bebuah	48
Foto 3.3: Tikai Keretas (Kerupuk)	49
Foto 3.4: Tikai Lampit	50
Foto 3.5: Tikai Senggang	51
Foto 3.6: Tikai Akas	52
Foto 3.7: Tikai Wi (Rotan)	53
Foto 3.8: Pokok Bemban	54
Foto 3.9: Tali Plastik	55
Foto 3.10: Tumbuhan Kerupuk	57
Foto 3.11: Pokok Rotan	58
Foto 3.12: Pokok Senggang	59
Foto 3.13: Akas	59
Foto 3.14: Lungga Peraut	60
Foto 3.15: Parang	60
Foto 3.16: Jangat	61
Foto 3.17: Pematat	61
Foto 3.18: Kayu Tangga	61
Foto 3.19: Penyilup	61

Foto 3.20: Gunting	62
Foto 3.21: Corak Oran Iban	64
Foto 3.22: Motif Nengkebang	64
Foto 3.23: Motif Puna Bekarung	64
Foto 3.24: Motif Bulan Sebayan	64
Foto 3.25: Motif Silup Langit	65
Foto 3.26: Motif Jengkuan	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Foto A.1: Enjup anak Nai	97
Foto A.2: Nancy anak Puyang	97
Foto A.3: Produk Hasil Anyaman	98
Foto A.4: Anyaman Tikar Menggunakan Tali Plastik	98



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan


Pengkaji memilih tajuk "Perkembangan Seni Anyaman Tikar Dalam Kalangan Masyarakat Iban di Sarawak Dari Tahun 1980 Hingga 2018" sebagai kajian. Pengkaji memilih tahun 1980 sehingga tahun 2018 untuk mengkaji perkembangan yang berlaku dalam hasil seni anyaman tikar masyarakat Iban. Selain itu, pengkaji hanya memfokuskan seni anyaman tikar tradisional bagi masyarakat Iban di perkampungan baru Sungai Arip, Balingian, Sarawak dalam kajian ini. Pengkaji juga mendapati bahawa masyarakat Iban di perkampungan baru Sungai Arip, Balingian ini banyak menghasilkan kraftangan yang menarik dan salah satu daripadanya ialah seni anyaman tikar tradisional. Hal ini telah menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajian ini bagi mendalami hasil kehalusan dan keunikan kraftangan yang mengandungi unsur-unsur estetika, etika dan logika terutamanya dalam seni anyaman tikar dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.

Hasil daripada keunikan dan kehalusan seni anyaman terutamanya anyaman tikar dalam kalangan masyarakat Iban pada hari ini dapat dilihat perkembangannya terutamanya dari segi penggunaan alatan, bahan, corak atau motif serta proses pembuatan tikar tersebut. Hasil anyaman tikar ini merupakan hasil daripada seseorang yang mempunyai sifat penyabar dan teliti terutamanya dalam proses anyaman. Namun begitu, menghasilkan tikar tradisional bagi masyarakat Iban pula ianya bukan suatu perkara yang baru bagi mereka. Hal ini demikian kerana, hampir setiap daripada sebuah isi keluarga mempunyai tikar tradisional yang mana melambangkan identiti masyarakat Iban itu sendiri di samping menjadikan tikar tersebut sebagai *reta tengkira* (pusaka) yang dimiliki sejak turun-temurun. Antara tikar-tikar yang terdapat dalam kalangan masyarakat Iban termasuklah *tikai bemban*, *tikai lampit*, *tikai bidai* dan lain-lain.

Penghasilan tikar anyaman yang cantik dan halus dalam kalangan masyarakat Iban juga mempunyai pantang larang tertentu. Pantang larang ini harus dipatuhi oleh penganyam semasa menganyam ketika menganyam tikar yang mempunyai motif dan corak yang istimewa. Oleh itu, pengkaji juga akan meneliti pantang larang yang perlu dipatuhi oleh seseorang penganyam tersebut. Selain itu, pengkaji bukan sahaja memfokuskan seni anyaman tikar tradisional yang terdapat dalam kalangan masyarakat Iban, malahan pengkaji juga akan mengkaji perkembangan yang berlaku dalam seni anyaman tikar ini dalam lingkungan tahun 1980 sehingga 2018.

1.1.1 Latar belakang Kampung Baru Sungai Arip, Balingian, Sarawak

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan Kampung Baru Sungai Arip, Balingian yang mana merupakan satu kawasan perkampungan bagi penduduk Iban di Sarawak yang berdekatan dengan pekan Balingian, Sarawak. Daerah kecil Balingian ini dikatakan mempunyai keluasan yang berukuran 3,032 km persegi dan berada dalam kawasan pedalaman. Kawasan bagi Balingian ini terletak di antara daerah Mukah dan juga bandar Bintulu. Bilangan bagi penduduk kawasan ini berjumlah 15, 327 orang dicatatkan pada tahun 2002 dan kebanyakannya terdiri daripada Iban (68.3%) dan Melanau (29.49%). Penduduk di perkampungan Balingian juga dicatatkan tinggal 6 buah kampung dan mempunyai 137 buah rumah panjang pada tahun 2002.



Peta 1.1: Peta Kampung Baru Sungai Arip, Balingian
Sumber: <https://mapcarta.com/15816472/Map>. (2022)¹

¹ Sumber dipetik dari <https://mapcarta.com/15816472/Map> pada 19 Mei 2022.

1.1.2 Masyarakat Iban

Negeri Sarawak merupakan negeri yang terkenal dengan kepelbagaian suku kaum yang memaparkan pelbagai ikon budaya warisan kesenian silamnya. Menurut Jayum A. Jawan (1994), sebahagian besar etnik yang tinggal di Sarawak adalah kaum Iban, Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau dan Orang Ulu yang merangkumi beberapa sukuk kaum seperti Kayan, Penan, Kenyah, Kelabit dan lain-lain. Masyarakat Iban juga hidup dengan pelbagai budaya tradisi dan kesenian yang masih kekal diamalkan daripada nenek moyang yang masih berpegang kuat kepada adat dan budaya tersebut.² Seni rupa secara sederhana dapat difahami sebagai satu karya seni yang merangkumi aspek luaran iaitu struktur dan juga bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Semua aspek tersebut dapat dilihat, dipegang dan digunakan sebagai kelengkapan budaya.

Menurut Erik Jensen (1974), masyarakat Iban telah dianggarkan menetap di Sarawak selama lima belas keturunan dan penghijrahan mereka ke Sarawak hanya berakhir tiga abad yang lalu.³ Menurut Sandin (1967), kaum atau masyarakat Iban adalah lebih tertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo. Kebanyakan masyarakat Iban kini tinggal di negeri Sarawak dan terdapat juga segelintir orang Iban di Kalimantan Barat, Indonesia yang berada di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas.⁴

Dalam kajian Chang Pat Foh (1999), masyarakat Iban suka mengembara dan berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari kawasan yang lebih subur yang bertujuan untuk menanam padi bukit dan untuk mendapatkan binatang buruan dan ikan. Manakala tempat asal mereka pula tidak dapat ditentukan. Namun begitu, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa terdapat orang Iban yang pernah tinggal di kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat sebelum mereka berpindah ke Sarawak. Kaum Iban juga dipercayai telah datang ke kawasan Sarawak pada awal tahun 1540.⁵

² Nazri, Hj. Baharuddin, Monumen Sungkup: Reka Bentuk dan Ragam Hias, *Gendang Alam*, Jilid 8, 2018, hlm. 2.

³ Noria Tugang, *Pua: identiti dan budaya masyarakat Iban*, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, 2014, hlm. 7.

⁴ *Ibid.*, hlm. 2.

⁵ *Ibid.*

Bagi Derek Freeman (1955), masyarakat Iban yang mengamalkan corak pertanian pindah menyebabkan masyarakat Iban yang terdapat di semua bahagian negeri Sarawak terutamanya di bahagian Sri Aman, Betong, Sibul, Julau, Samarahan, Kapit, Pakan, Bintulu, Miri dan Baram. Menurutnya lagi, orang Iban pada suatu ketika dahulu lebih dikenali dengan panggilan '*Sea Dayak*' dalam kalangan warga asing. Panggilan '*Sea Dayak*' ini wujud disebabkan mereka biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga sebagai pelayar yang handal. Dalam pada itu, orang Iban ini dikategorikan ke dalam kumpulan Melayu Proto iaitu sama seperti orang Melayu Sumatera dan juga Semanjung Malaysia.⁶

Selain daripada mengamalkan corak pertanian, masyarakat Iban juga mungut hasil hutan seperti tumbuh-tumbuhan liar yang boleh dibuat sayur, buah-buahan, cendawan dan lain-lain. Dalam bidang seni pula, orang Iban amat mahir dalam seni anyaman, seni tenunan dan juga ukiran. Setiap hasil tersebut adalah unik dan mempunyai seni tangan yang sangat halus, misalnya seperti tikar bemban, pua kumbu, ukiran buluh dan sebagainya. Masyarakat Iban juga mempunyai seni persembahan yang tersendiri. Kebanyakan seni persembahan masyarakat Iban adalah berkait dengan hal-hal ritual seperti pemujaan untuk dewa-dewi, hantu atau semangat. Alat muzik yang dibuat daripada buluh seperti *seruling* dan *engkerurai* wujud dalam masyarakat Iban.

Seterusnya, dalam bidang makanan dan masakan pula orang Iban dikatakan gemar memakan makanan yang tidak banyak menggunakan rempah atau lemak seperti cili dan santan. Mereka juga suka makan sayur-sayuran di hutan kerana makanan ini senang didapati di hutan yang berdekatan dengan rumah panjang manakala daging dan ikan biasanya dimasak dalam buluh, dipanggang atau disalai. Pada waktu lapang, masyarakat Iban terutamanya kaum lelaki suka memburu, menjala, mengukir, mengail dan sebagainya. Bagi kaum wanita Iban pula, mereka juga suka menangguk ikan, bertenun, menganyam dan sebagainya.⁷

⁶ *Ibid.*, hlm. 3.

⁷ Durin, Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban, 2004, dipetik dari http://studentsrepo.um.edu.my/2872/5/BAB_2.pdf pada 20 Mei 2021.

1.1.3 Warisan dan Budaya Masyarakat Iban

Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai pelbagai warisan dan budaya yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman oleh nenek moyang mereka. Menurut Davidson (1991), warisan budaya ditarifkan sebagai satu produk atau hasil budaya fizikal dari tradisi-tradisi yang berbeza serta pretasi-pretasi spiritual adalah dalam bentuk nilai dari masa lalu yang menjadi elemen asas dalam jati diri bagi sesuatu kelompok atau bangsa.⁸ Sullivan (2016) pula mengatakan bahawa warisan budaya adalah peninggalan artifak fizikal dan ciri yang tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi dari generasi dahulu, kini telah dikekalkan serta dipelihara pada masa yang akan datang.

Selain itu, warisan ini juga bermaksud sesuatu yang dicipta dan telah menjadi warisan bagi suatu kaum hasil daripada peninggalan nenek moyang masyarakat. Warisan ini adalah meliputi sama ada dalam bentuk artifak, kesenian, budaya, Bahasa dan kesenian. Masyarakat Iban di Sarawak juga kaya dengan pelbagai warisan dan budaya yang mana telah diwarisi sejak zaman-berzaman oleh nenek moyang mereka. Kebudayaan masyarakat Iban ini terdiri daripada dua aspek yang berbeza iaitu warisan dan pusaka. Warisan ini adalah merujuk kepada kemahiran tradisi, estetika seni dan kepercayaan dalam budaya yang ditinggalkan oleh *Petara* (Tuhan) kepada masyarakat Iban. Bagi *pusaka* pula, ianya lebih kepada pemilikan individu dan juga bersifat signifikan yang sangat penting dalam budaya Iban sehingga hari ini.⁹

Sehubungan dengan itu, kraftangan yang terdapat dalam kalangan 26 suku kaum di Sarawak merupakan satu seni yang dikatakan melambangkan budaya, kepercayaan dan juga kreativiti yang hidup di dalam etnik dan juga kaum yang memilikinya. Hasil pembuatan seni halus ini juga akan mengangkat idea dan ketabahan pembuatannya dan akhirnya akan menjadi idaman agar kraftangan yang dihasilkan dapat difahami dan dihargai oleh pemilik akhirnya nanti. Gerald (2005) menyatakan bahawa warisan budaya boleh ditakrifkan sebagai satu warisan yang ketara, tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan boleh termasuk perkara,

⁸ Davidson, *A heritage handbook*, New South Wales: Allen & Unwin, 1991.

⁹ Greogry Kiyai @ Keai & Noria Tugang, Artifak budaya masyarakat iban: Warisan dan Pusaka, *Jurnal Kinabalu*, Bil. 26 (1), 2020, 59-71.

objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzium warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semulajadi.¹⁰

Masyarakat Iban juga memiliki harta keturunan yang disebut sebagai pusaka. Pusaka ini disebut sebagai *reta tengkira* dalam Bahasa Iban. Dalam, konteks masyarakat Iban, terma pusaka lebih cenderung kepada harta atau sesuatu artifak yang dikumpulkan secara individu dan juga diwariskan kepada anak cucu berbanding dengan konsep warisan yang lebih bersifat komuniti dan dikongsi bersama.¹¹ Resali Muda (2016) mengatakan bahawa pusaka ialah harta yang ditinggalkan oleh seseorang individu yang telah meninggal dunia untuk diwarisi oleh ahli keluarga dan pihak lain.¹²

1.1.4 Kraftangan Masyarakat Iban

Menurut Jabatan Muzium Sarawak (2021), Sarawak merupakan negeri yang kaya dengan sumber semulajadi. Justeru itu, penduduk aslinya menyara hidup dengan memanfaatkan segala hasil bumi yang terdapat di persekitaran tempat mereka tinggal. Antara aktiviti harian mereka termasuklah bercucuk tanam, memancing, memburu dan menungut hasil hutan yang sedia ada untuk dimanfaatkan bagi kegunaan mereka. Bahan-bahan anyaman tersebut boleh didapati dengan mudah seperti buluh, daun nipah, mengkuang, rotan dan buluh bemban. Bahan-bahan ini telah diubah untuk menjadi barang berguna seperti tikar, terendak dan bakul. Barang-barang yang dimiliki ini juga mempunyai fungsi yang tersendiri dalam upacara keagamaan.¹³

¹⁰ Corsane, G., *Issues in heritage, museums and galleries*, Heritage, museums and galleries: an introductory reader, 2005, hlm. 1-4.

¹¹ Greogry Kiyai @ Keai & Noria Tugang, *op cit.*, hlm. 67.

¹² Resali Muda, harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 2016, hlm. 1-10.

¹³ Jabatan Muzium Sarawak, Bakul dan Anyaman, 2021, dipetik dari <https://museum.sarawak.gov.my> pada 23 Mei 2021.

Antara kraftangan yang popular dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak ialah kain Sarawak (tenunan ikat). Seni tenunan ini dihasilkan kaum wanita Iban di Sarawak. Kain ini adalah hasil tenunan daripada benang kapas yang ditenun menggunakan 'kek Iban'. Pua kumbu merupakan salah satu hasil tenunan yang popular di Sarawak, kain tenunan ini biasanya mempunyai warna kemerahan atau coklat tua. Manakala reka corak tenunan tersebut ialah anak kunci, lengkar, rombus dan batu berlian. Pua kumbu ini ditenun oleh wanita Dayak dan dianggap sebagai objek suci. Pua ini digunakan dalam upacara dan peristiwa penting termasuk kelahiran anak, menerima barangan penting kepada rumah panjang dan bagi tabir mayat yang dietakkan di rumah panjang sebelum pengembumian.

Gubahan manik pula merupakan salah satu daripada seni kraftangan yang popular di Sarawak. Masyarakat Iban kaum wanita juga menghasilkan *tango* atau *marek empang* yang diperbuat daripada manik dan dihiasi bebola kain bagi tujuan menutup dada atau baju kecil dan kembangan. Kesabaran, ketekunan dan kesungguhan merupakan satu kunci baginya untuk menghasilkan setiap kraftangan manik tradisional masyarakat Iban. Selain daripada *tango* atau *marek empang*, kaum wanita Iban juga menghasilkan rantai manik dan bakul manik. Menurut kajian, manik yang terdapat di Sarawak telah dibawa masuk dari Mesir, India, Greece dan China sejak berates-ratus tahun dahulu.

Selain daripada itu, masyarakat Iban bagi kaum lelaki pula menghasilkan kraftangan seperti *terabai* atau perisai sebagai lambang kepahlawanan bagi kaum Iban dan juga kepada orang ulu di Sarawak. Pada asalnya, *terabai* ini diperbuat daripada kayu keras dan dihiasi dengan ukiran pada permukaan di depannya. Tujuan *terabai* asalnya adalah untuk pertahanan bagi masyarakat Iban atau orang ulu semasa peperangan dengan musuh. Namun begitu, *terabai* ini juga dijadikan sebagai perhiasan rumah pada masa kini. Masyarakat Iban juga mempunyai tradisi penyimpanan tembikar yang oleh mereka sebagai 'tajau' yang diwarisi sertiap turun-temurun. Tajau ini mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti menyimpan air tuak, untuk menyempurnakan upacara tradisi dan sebagainya.

Seterusnya ialah seni kraftangan anyaman, di mana seni anyaman iaitu seni anyaman tikar dalam kalangan masyarakat Iban merupakan fokus utama dalam

penyelidikan pengkaji. Namun begitu, seni anyaman masyarakat Iban terdiri daripada anyaman bakul, tikar, raga, *sintung*, *lanji*, topi dan banyak lagi. Seni anyaman juga amat mementingkan *skills* yang digunakan dalam menghasilkan sesuatu anyaman yang berkualiti dan cantik. Bagi menghasilkan sesuatu produk anyaman sumber ini kebiasaanya diperolehi daripada sumber hutan seperti bemban, pantu, mengkuang, senggang, rotan, buluh dan banyak lagi. Kraftangan anyaman ini dikatakan banyak digunakan sebagai peralatan harian dan terdapat juga dikomersialkan untuk menjana pendapatan.

Kraftangan bagi masyarakat Iban di Sarawak dan juga etnik yang lain mempunyai keunikan yang tersendiri. Mengikut kepada peredaran zaman kraftangan yang terdapat di Sarawak kini telah dipasarkan atau dikomersialkan di pasaran dalam dan ke peringkat pasaran global. Akta 22 – Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1979) mendefinisikan bahawa kraftangan merupakan keluaran yang artistik mempunyai nilai daya tarikan seni budaya dan tradisional yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tangan tanpa alatan canggih ataupun menggunakan peralatan yang mudah diperolehi yang dihasilkan oleh individu atau pengusaha kraf.

1.2 Permasalahan Kajian

Antara permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji dalam kajian ini adalah di mana pengkaji menyedari bahawa masyarakat Iban terutamanya generasi-generasi muda di Sarawak kurang prihatin terhadap seni anyaman tikar. Hal ini bukan sahaja melibatkan hasil seni anyaman tikar bahkan kraftangan yang lain juga kurang dititik beratkan pada masa kini. Kraftangan dapat melambangkan identiti sesebuah suku kaum yang terdapat di Sarawak dan sekiranya generasi muda pada masa kini mampu untuk mewarisi kemahiran ini, ianya menjadi pasti satu kebanggaan kepada masyarakat itu sendiri selain daripada mampu melonjakkan pendapatan mereka.

Dalam pada itu, seni kraf warisan anyaman seperti rotan kini juga kurang mendapat tempat dalam kalangan generasi muda dan mereka perlu mendekatkan diri dengan kemahiran-kemahiran seni anyaman bagi memartabatkan seni yang